



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 12 MEI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	OAT JADI PILIHAN SAHUR TIMBALAN MENTERI MOA, SINAR RAMADHAN, SH -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2. 3.	KADA TERIMA 24,000 TAN PADI, SINAR NEGERI, SH -25 SENTIASA TINGKATKAN KUALITI BERAS, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
4. 5.	AYAM TIDAK KENA COVID-19, LOKAL, BH -8 TIADA BUKTI JANGKITAN DARIPADA MAKANAN, NASIONAL, BH -3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7. 8. 9. 10.	PERJUANGAN NELAYAN CARI REZEKI DI BULAN RAMADHAN, SINAR RAMADHAN, SH -17 PINEAPPLE FARMERS EARN MORE WITH ONLINE SALES, NEWS IN BRIEF, NST -18 PINEAPPLE FARMER BANKS ON TECHNOLOGY TO SUSTAIN BUSINESS, NEWS, THE STAR -6 WATERMELON JUICE CURES A LONG AND THIRSTY DAY, NATION, THE STAR -8 GREENS MORE EXPENSIVE NOW, NATION, THE STAR -12	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

12/5/2020

SINAR
HARIAN

SINAR RAMADHAN

16

Oat jadi pilihan sahur Timbalan Menteri MOA



CHE ABDULLAH MAT NAWI

KOTA BHARU - Bersahur penting untuk membantu tubuh kekal bertenaga sepanjang hari berpuasa ketika Ramadan.

Menu pilihan selalunya ringkas dan paling penting mengenyangkan dan tahan lebih lama.

Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA), Datuk Che Abdullah Mat Nawi memilih bubur oat atau yang dimasak dan dimakan bersama buah-buahan serta segelas susu segar bagi juadah bersahur.

Beliau bangun seawal jam 5 pagi bagi untuk persiapan sahur bersama isteri, bertahjud dan mengamalkan al-Quran sebelum menikmati makanan.

"Saya sangat suka bersahur dengan oat yang dicampur buah-buahan tempatan seperti mangga atau pisang kerana membebankan rasa kenyang yang lebih lama ketika berpuasa.

"Di samping itu, saya mengamalkan pengambilan tiga biji kurma dan disusuli dengan minum susu kambing segar bagi menambahkan tenaga untuk mengharungi tugasan seharian," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujar anak kelahiran Tumpat, Kelantan itu lagi, sebagai seorang pemimpin masyarakat belia perlu sentiasa berada dalam

keadaan sihat dan bertenaga untuk bergerak membantu rakyat lebih-lebih lagi ketika usia bakal mencecah 60 tahun pada 14 Jun depan.

"Dalam soal pemakanan saya tidak cewet dan tiada menu spesifik untuk membuka puasa tetapi mengutamakan makanan yang memenuhi keperluan nutrisi tubuh.

"Saya mengurangkan pengambilan nasi, minuman manis atau bergula bagi menjaga dan mengalkalkan kesihatan sekali gus mengelak daripada menghidap penyakit kronik seperti diabetes.

"Saya bersyukur kerana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang pertama kali berlaku dalam sejarah perjalanan politik saya lebih 30 tahun ini menyebabkan saya mempunyai masa untuk membuka puasa dan beribadah bersama keluarga," katanya.

Resipi Ramadan



BUBUR OAT AYAM

Bahan-Bahan

- 3 sudu makan bijirin oat
- 100 gram daging ayam dipotong dadu
- Bawang putih dicincang halus
- Lobak dipotong bulat
- 1 biji kek
- 1/2 sudu teh cuka ayam
- Daun su-taun bawang
- Lobak masin
- Serbuk lada sulah

Cara Memasak

- Tumis bawang putih dengan sedikit minyak.
- Masukkan sedikit air dan masakkan ayam Renyah sehingga ayam dan hampir masak.
- Tambah bawang dan masakkan sayur.
- Masukkan oat dan masak sehingga oat menjadi kembang dan jadi macam bubur nasi.
- Taburkan daun su-taun dan bawang dan hiris lobak masin.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI	25

KADA terima 24,000 tan padi



NIK ROSLAN

Nik Roslan (empat dari kanan) mengiringi Che Abdullah (kiri) yang hadir sempena lawatan kerja ke PPK Sri Gunong semalam.

Padi bernilai RM28 juta diterima daripada 3,000 petani sepanjang PKP

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

BACHOK

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menerima 24,000 tan padi bernilai RM28 juta sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu.

Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris berkata, kesemua padi diterima daripada 3,000 petani yang menjual hasil mereka ke empat pusat pengumpulan dan belian padi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di negeri ini.

Menurutnya, keempat-empat pusat berkenaan di bawah seliaan KADA adalah di Sri Gunong, Sungai Ketereh, Tanjung Puri dan Pasir Mas.

“Kewujudan pusat ini sejak 2014 membantu para petani menjual padi

mereka selain mengelak berlaku lambakan dan urusan jual beli padi ketika PKP berjalan lancar tanpa sebarang masalah,” katanya kepada *Sinar Harian* di PPK Sri Gunong di sini semalam.

Sebelum itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi mengadakan lawatan kerja ke tiga PPK di Puteri Sadong, Binjai dan Sri Gunong serta turut menyampaikan kit bantuan makanan kepada 200 petani.

Nik Roslan berkata, ketika peringkat awal PKP, berlaku kekurangan bekalan beras namun pihak Kawal Selia Padi dan Beras bertindak pantas menghadkan pengeluaran padi keluar dari Kelantan sehingga masalah tersebut dapat diatasi sebaiknya.

“Pihak KADA juga menyumbang 79 peratus padi melebihi keperluan sejumlah 1.79 juta rakyat di Kelantan.

“Tempoh pelaksanaan PKP tidak menjadi masalah kerana aktiviti berkaitan dengan pertanian dibenarkan dan dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu, jadi petani tidak ada masalah menjual padi mereka,” katanya.

12/5/2020

SINAR
HARIAN

7

MEMERANGI

WABAK COVID-19

Sentiasa tingkatkan kualiti beras

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berusaha untuk meningkatkan kualiti makanan asas itu

Oleh ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU

Melihat kepada permintaan terhadap beras tempatan yang semakin mendapat sambutan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berusaha untuk meningkatkan kualiti makanan asas itu.

Timbalan Menteri II Kementerian tersebut, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, usaha untuk meningkatkan mutu beras tempatan di negara ini sentiasa dilaksanakan.

“Ada koronavirus (Covid-19) atau tidak, memang



Che Abdullah (dua dari kiri) melawat Loji Benih Padi di PPK Puteri Saadong di Kota Bharu semalam.

Sehubungan itu, katanya, kini KADA berusaha mengalirkan air ke kawasan tanah padi bagi membantu seramai 7,722 petani yang mengusahakan tanaman itu seluas 26,833 hektar.

“Cukup air, baja, dan kesuburan tanah adalah antara satu usaha yang dilakukan KADA dalam mendapatkan padi atau beras yang bermutu tinggi dan berkualiti,” katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai keperluan dan bekalan beras di negara ini, Che Abdullah berkata, bekalan makanan asas itu lebih daripada mencukupi.

Menurutnya, Kelantan sahaja mengeluarkan 129 peratus dari segi keperluan negeri dan melebihi keperluan rakyat negeri itu sendiri.

“Beras yang dikeluarkan mencukupi malah sebahagian besarnya, jika tidak silap saya dalam 50 peratus, digunakan dalam negeri Kelantan dan selebihnya untuk pasaran dalam negara,” katanya.

nologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris.

Che Abdullah berkata, untuk pengeluaran beras, pihaknya mendapati sumber pengaliran adalah antara masalah utama yang dihadapi oleh petani di negeri ini.

KADA untuk meningkatkan produktiviti dan mutu beras,” katanya kepada pemberita ketika mengadakan lawatan ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Puteri Saadong, Binjai di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Tek-

kementerian sentiasa berusaha meningkatkan kualiti pengeluaran di samping menambah kuantiti dan usaha itu dibuat secara berterusan.

“Apa yang saya dengar daripada taklimat Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) sudah ada pelbagai langkah yang diambil oleh



Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Seremban

Tidak perlu panik atau percaya dengan berita tular di media sosial mendakwa ayam yang dibeli di pasar raya menjadi 'ejen' pembawa virus Covid-19 dan boleh membahayakan nyawa.

Ini berdasarkan kenyata-



Ayam tidak kena Covid-19

JPV perjas pekerja kilang boleh kena jangkitan tetapi bukan makanan diproses

an dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veteriner Putrajaya (JPV) pada 9 Mei lalu, menjelaskan ayam ternakan tidak boleh dijangkiti virus Covid-19 walaupun pekerja kilang berkenaan atau mereka yang mengurus atau memproses ayam mempunyai kontak Covid-19.

Jurucakap jabatan itu berkata, virus covid-19 juga tidak mampu bertahan lama pada daging ayam sekiranya pekerja syarikat ayam terbabat disahkan positif Covid-19.

Katanya, dalam proses penyembelihan dan pemprosesan yang dilakukan terhadap ayam, virus Covid-19 yang mungkin ada pada ayam akan mati dan ayam berkenaan selamat dimakan.

"Kenyataan ini juga disokong dengan laporan dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 7 April 2020, yang menjelaskan bahawa

makanan yang diproses semalam dimakan.

"Malah, laporan itu juga mengesahkan ujian Covid-19 yang dibuat terhadap ayam dari negara China menunjukkan semuanya negatif penyakit berkenaan," katanya di sini, semalam.

Isu kebimbangan orang ramai mengenai kedudukan ayam timbul selepas wujud kluster baharu Covid-19 di sebuah kilang pemprosesan ayam di Pedas Rembau Negeri Sembilan, pada 2 Mei lalu.

Kebimbangan itu semakin bertambah apabila isu berkenaan viral dalam laman sosial hingga mendapat pelbagai pandangan daripada netizen.

Dalam laporan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) peringkat awal mendapati 60 pekerja loji pemprosesan ayam di kilang terbabat positif Covid-19.

Difahamkan kilang berkenaan adalah loji pemprosesan ayam komersial di bawah seliaan JPV dan dikatakan memproses dan membekalkan sehingga

54,000 ayam sehari daripada jumlah keseluruhan bekalan ayam segar seluruh negara purata sebanyak 1.6 juta ekor sehari.

Sumber ayam hidup diperolehi daripada 79 ladang ayam kontrak di bawah kawal selia syarikat dan 23 ladang persendirian.

Syarikat itu juga membekalkan ayam yang diproses ke beberapa pasar raya.

Kluster baharu Covid-19 di kilang berkenaan mula dikesan apabila seorang kakitangan syarikat mengalami gejala demam, batuk, selesema, sesak nafas dan sakit kepala pada 5 April lalu.

Pekerja terbabat menjalani saringan ujian Covid-19 pada 10 April dan keputusan ujian disahkan positif dua hari kemudian.

Sehingga 8 Mei lalu, seramai 786 kakitangan dan ahli keluarga kilang itu menjalani saringan ujian Covid-19 dan 60 daripadanya didapati positif Covid-19.

Susulan itu, KKM mengeluarkan arahan menghentikan operasi kilang terbabat selama 14 hari berkuatkuasa dari 7 hingga 20 Mei ini.

Dalam laporan yang dikeluarkan KKM kelmarin, terdapat pertambahan 43 kes membabitkan pekerja kilang berkenaan menjadikan jumlah kes positif Covid-19 meningkat kepada 131 kes.

54,000

Jumlah ayam sehari diproses di loji pemprosesan ayam komersial di bawah seliaan JPV dan jumlah keseluruhan bekalan ayam segar seluruh negara purata sebanyak 1.6 juta ekor sehari

12/5/2020

BERITA
HARIAN

NASIONAL

3

Penularan COVID-19

Tiada bukti jangkitan daripada makanan

KKM masih tunggu laporan penuh JPV sama ada haiwan turut dijangkiti

Putrajaya: Tiada bukti kukuh bahawa penularan COVID-19 boleh menjangkiti manusia daripada makanan, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, bagaimanapun pihaknya masih menunggu laporan penuh daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sama ada wabak terbahit sudah ada yang menjangkiti haiwan di negara ini.

"Saya tahu ramai yang risau mengenai isu ini, setakat ini tiada jangkitan daripada makanan kepada manusia. Bila beli makanan termasuk ayam atau daging yang mentah, bila dimasak ia secara langsung dapat mematikan virus berkenaan kerana ia berada dalam suhu yang tinggi.

"Sama ada haiwan atau makanan itu sebenarnya ada virus atau tidak, kita masih menunggu laporannya.

"Buat masa ini, masih tiada bukti atau kes yang menyatakan (mangsa COVID-19) dapat virus, berkenaan daripada makanan mentah seperti ayam dan daging," katanya dalam sidang media harian COVID-19, di sini.

Dr Noor Hisham berkata demikian ketika mengulas kerisauan orang ramai terhadap bahan makanan dibeli yang dikhuatiri terdedah virus COVID-19 susulan beberapa khuster jangkitan membabitkan pekerja pasar basah dan kilang proses ayam.

Pada Sabtu lalu, KKM meredatahkan khuster baharu membabitkan pekerja kilang memproses ayam di



Dr Noor Hisham ketika sidang media berhubung situasi semasa jangkitan COVID-19 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

Bila beli makanan termasuk ayam atau daging yang mentah, bila dimasak ia secara langsung dapat mematikan virus berkenaan kerana ia berada dalam suhu yang tinggi.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

Perdas, Negeri Sembilan yang sudah menjangkiti lebih 60 individu termasuk ahli keluarga mereka.

Menurut laporan, kluster itu mula dikesan 2 Mei lalu apabila seorang daripada pekerja Kilang berkenaan didapati tidak sihat dan mula mengalami gejala demam, batuk, selesma, sesak nafas dan sakit kepala pada 5 April.

Kakitangan kilang terbahit kemudiannya mendapatkan rawatan di klinik kesihatan dan saringan ujian COVID-19 dijalankan pada 10 April. Beliau disahkan positif COVID-19 dua hari kemudian.

Sementara itu, dalam perkembangan terkini jangkitan COVID-19 semalam, Dr Noor Hisham berkata, 88 lagi individu sembuh sepenuhnya dan dibenarkan pulang semalam, menjadikan jumlah kes.

lah kumulatif pulih 5,113 kes atau 76 peratus daripada keseluruhan kes jangkitan.

Katanya, bagi kes baharu pula 70 kes dilaporkan dengan 31 daripadanya adalah warga asing, di samping 13 kes import, menjadikan kes positif COVID-19 di Malaysia kini sebanyak 6,726 kes.

"Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah positif dalam Unit Rawatan Rapi (ICU) serta tujuh lagi memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan pertambahan satu lagi kes kematian berkaitan COVID-19 direkodkan semalam, menjadikan jumlah kematian kini 109 kes atau 1.62 peratus daripada keseluruhan kes.

Perjuangan nelayan cari rezeki di bulan Ramadan

Lensa
Ramadan



Walaupun umat Islam sedang menjalani ibadah berpuasa di bulan Ramadan, namun masih ada yang perlu bekerja untuk menampung kehidupan seharian. Tidak terkecuali, golongan nelayan yang membanting tulang mencari rezeki sepanjang bulan yang suci ini dan kerana merekalah kita dapat menikmati hasil laut segar.

Nurul Azni Mohamed Daud, 34, merupakan seorang nelayan darat sedang membaiki enjin botnya di Kampung Sungai Gajah, Pasir Salak sebelum turun ke sungai untuk mencari rezeki dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).



PERAK



KEDAH

Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah menerima pesanan membekalkan sebanyak 400 kilogram ikan kembung untuk diagihkan kepada penduduk Kampung Tawar, Baling baru-baru ini. Persatuan tersebut bersedia menerima pesanan mana-mana pihak yang mahu bersedekah dan menghantar bekalan ikan tersebut.



NEGERI SEMBILAN

Sebahagian nelayan di Port Dickson dan Lukut yang turun ke laut bagi mencari rezeki peraliran Port Dickson.



PAHANG

Nelayan dari Beserah, Ahmad Roslan, 49, (kanan) dan pekerjaanya ketika tiba di Jeti Nelayan Beserah bersama lebih lima kilogram sotong yang dicandat di perairan Pahang.



SELANGOR

Seorang nelayan, Muhammad Ramadan Syariduddin, 20, menunjukkan rezeki Ramadan apabila memperoleh kira-kira 25 kilogram ikan bawal putih yang berjaya dinaikkan di Pangkalan Nelayan Jalan Genting, Batu 4, Rantau Panjang, Klang semalam.



TERENGGANU

Nelayan pesiar pantai di Kampung Air Tawar, Besut keluar menangkap ikan. Mereka keluar ke laut mencari rezeki seperti biasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).



MELAKA

Sebahagian nelayan Tanah Merah, Pantai Puteri di sini berkumpul bersama di tepi pantai sebelum menerima bantuan kit makanan ketika Hari Bersama Keluarga Nelayan semalam.



KELANTAN

Pusa tidak membataskan nelayan di negeri ini untuk meneruskan kerja-kerja rutin mereka termasuk membekalkan kapal, perahu dan juga menyelenggara peralatan untuk turun ke laut. Kelihatan nelayan yang berlabuh di Jeti Lambaga Kemajuan Ikan Malaysia di Geting, Tumpat sibuk memeriksa pukat yang digunakan untuk menangkap hasil laut.

Pineapple farmers earn more with online sales

BATU PAHAT: Pineapples are inseparable from Hari Raya Aidilfitri, being a key ingredient to produce pastries and cakes for the yearly celebration. With the Movement Control Order affecting sales, some pineapple farmers have taken the initiative to change their sales tactics with the times. Mohd Fairuz Mohd As'ari, 35, who had cultivated pineapples at his orchard in Jalan Muar-Air Hitam here for a decade, sold most of his crop online for the first time rather than to wholesalers and suppliers as he did previously. After doing some online promotion, he was surprised to see a sudden rise in the number of buyers, especially those who preferred to buy directly from him on a small scale. He would deliver the pineapples to these customers himself. **Bernama**

Pineapple farmer banks on technology to sustain business

BATU PAHAT: Pineapples are truly inseparable from Hari Raya Aidilfitri, being a key ingredient to produce several types of pastries and cakes when the celebration comes along every year.

With the implementation of the Movement Control Order (MCO) which resulted in lower fruit sales, a few pineapple growers have taken the initiative to change their sales method in order to survive.

For pineapple farmer Mohd Fairuz Mohd As'ari, 35, who has cultivated pineapples at his orchard in Jalan Muar-Air Hitam here for a decade, this year marked the first time he sold most of the crop he produced online rather than to wholesalers and suppliers as previously.

"At first, it felt awkward to conduct business via online, including usage of social media and mobile app to promote my product; but after nearly two months, it has become routine and much easier to do business.

"I was initially quite worried there would be pineapple dumping when the month of Syawal arrives this year, but my prediction turned out to be false as demand remains good although business is not conducted as in the past," he told Bernama in an interview yesterday.

After doing online promotion, he was surprised to see a sudden rise in the number of buyers, especially those who preferred to buy directly from him on a small scale. He delivers the pineapples to these customers himself.

Mohd Fairuz, whose pineapple orchard spans about 10 acres, said most of his fruits would be turned into jam by his customers as Hari Raya Aidilfitri approached, to produce several popular sweet foods such as pineapple tart, pineapple roll, layered cake (bahulu lapis) and pineapple roll cake (bahulu gulung).

He said sales were only affected during the early stage of the MCO; the sales trend had returned to almost normal, with only exports still being hampered.

"I grow three varieties of pineapples - MD2, Josapine and Morris - whereby daily sales have reached 100 kg. This is slightly less than before the MCO but the volume should rise further next week. — Bernama

Watermelon juice cures a long and thirsty day



Going down a treat: Mohd Adam holding up a watermelon at a stall in Permatang Tok Kandu, Bukit Mertajam.

Vendor sells 33 tonnes of the fruit since Ramadan began

By LIEW JIA XIAN
jixian@thestar.com.my

BUTTERWORTH: Watermelon juice has become a popular drink among Muslims here during the breaking of fast.

"It is juicy and refreshing to break fast with," said stall worker Mohd Adam Ahmad Bahkri, 18.

He said business was good after the conditional movement control order (MCO) started on May 4 as more people were allowed to get around.

"We have three stalls in Pinang Tunggai, Permatang Tok Kandu and Permatang

Jangus on the mainland," said Mohd Adam.

"Since the first day of Ramadan, we have sold over 33 tonnes of watermelon.

"Most of the fruit comes from Terengganu, Kelantan and Johor."

Mohd Adam said besides watermelon juice, which is sold at RM3 a packet, they also sell freshly cut watermelons.

"Usually, business at our stalls pick up between 4pm and 7pm every day.

"We believe our business will be better when it is nearer to the Hari Raya celebrations.

"Even during the conditional MCO, we have many people coming for watermelon juice," he said.

Mechanic Ahmad Mohd Safri, 30, said watermelon juice is his favourite drink during buka puasa.

"The Ramadan season is the only time I indulge in watermelon juice.

"I have asthma and have been advised not to take too much of this juice as it is not good for my condition," he said when met at the stall.

Housewife Che Kalsom, 68, said she would come to the stall three times each week to buy the drink for her grand children to break fast.

"The children love it. I don't dare to take too much of it as I'm a diabetic," she said.

Greens more expensive now

Unpredictable weather causes lower yield in Johor

By NELSON BENJAMIN
nelson@thestar.com.my

JOHOR BARU: The prices of vegetables have gone up as much as 30% due to the rainy season especially in the northern part of the state and also parts of Cameron Highlands.

The unpredictable weather has impacted farmers who are reaping lower yield and this is expected to continue for some time.

However, Federation of Malaysian Vegetable Farmers Association president Tan So Tiok assured consumers there would be sufficient vegetables for Hari Raya.

He noted that it had been raining for the past two weeks but on Sunday there was a flash flood, which affected many vegetables farms in Langkat.

"Although water receded within an hour, some of the crops were affected," he said.

Tan said previously they were producing about 70 metric tonnes of vegetables daily but dropped to about 50 metric tonnes. In northern Johor alone, there were about 50 vegetable farmers cultivating some 242ha of land, he said.

He said most of their produce was for local consumption while some farmers in Simpang Renggam, Kulai



Gone under: Vegetable farms at Bukit Gambir in Tangkak, Johor, partially submerged due to heavy flooding.

and Kempas exported their vegetables to Singapore via middlemen.

Tan said for the moment farmers would not want to risk planting too much during the rainy season.

Meanwhile, local vegetable and fruits wholesaler Chin Boon Ching said the prices of vegetables went up not just in Johor but in other states because produce from Cameron Highlands were also more expensive due to the rainy season.

"The biggest increase was red chillies, which have gone up from RM4 to almost RM7 per kg," he said.

Chin said prices of vegetables would usually go up at the end of the year due to the monsoon season, but heavy rains over the past two weeks also affected all types of flowering vegetables.



Fresh produce: Chin (left) with his workers packing vegetables to be distributed to Johor and Singapore.